



Imam Shaykh Ishaq al-Khalidi al-Rawi (1908–1992) dan penyebaran Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah di Pahang

Mohd Faizal Harun

Faculty of Education & Social Science Widad University College
BIM Point, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang, Malaysia

Abstrak

Artikel ini akan menghuraikan biografi Imam Shaykh Ishaq bin Muhammad Arif, seorang tokoh Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah di daerah Dong, Raub, Pahang. Melihat kepada keperluan memperkenalkan semula tokoh-tokoh tarekat yang berkhidmat kepada masyarakat setempat, maka artikel ini secara tinjauan awal akan mengkaji riwayat hidup Imam Shaykh Ishaq dan penyebaran tarekat tersebut di Pahang. Tokoh tasawuf dan sufi yang diperkatakan ini adalah seorang Shaykh Mursyid Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah yang sememangnya amat terkenal di Pahang. Ketokohnya telah menarik ramai murid dan pengikut untuk turut serta terlibat ke dalam tarekat ini dan seterusnya menyebar luaskan ajaran tarekat ini ke serata Pahang khususnya dan Malaysia amnya.

Kata Kunci: Imam Shaykh Ishaq al-Khalidi, Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah, Pahang, Zawiyah Ihya al-Qulub.

Pengenalan

Imam Shaykh Ishaq bin Muhammad Arif al-Khalidi al-Rawi adalah salah seorang tokoh terpenting dalam penyebaran Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah di Pahang. Beliau bersama-sama dengan khalifah dan muridnya telah berusaha secara kolektif dalam menyebar dan mengembang ajaran Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah ke serata Pahang sehingga boleh dikatakan bahawa amalan tarekat ini menjadi dominan berbanding tarekat-tarekat yang lain. Walaupun tarekat-tarekat lain seperti Ahmadiyyah, Alawiyyah, Tijaniyyah, Khalwatiyyah dan Sammaniyyah ada diamalkan di Pahang, namun penyebarannya tidaklah sepopular Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah yang dibawa oleh Imam Shaykh Ishaq Muhammad Arif.

Riwayat Hidup Imam Shaykh Ishaq

Nama lengkap beliau mengikut salasilah ayahnya ialah Tuan Guru Imam Tengku Shaykh Ishaq bin Tengku Muhammad Arif bin Tengku Tan Joleng Tujuan Saka Mas bin Tengku Merah Laut Silingkar Alam atau Limbang Laut keluarga Yang Dipertuan Muda Tanjung Alai, Mapat Tunggal, Rao, Sumatera Barat. Ibu Imam Shaykh Ishaq bernama Hindun atau Nujmah binti Tengku Mahmud (keturunan Siak). Ibu Hindun atau Nujmah ialah Maryam berasal dari



Kampung Teluk Pulau, Klang, Selangor. Dikatakan tokoh sufi ini berketurunan dari Kesultanan Rawa, Sumatera, Indonesia. Imam Shaykh Ishaq dilahirkan di Kampung Chemor, Ipoh, Perak pada 1326 Hijrah bersamaan 1908 (Ahmad Tarmizi, 2010; Zabidin, 2013; Zaffuan, 2009). Beliau adalah anak bongsu daripada lima orang adik beradik yang terdiri dari tiga orang lelaki dan dua orang perempuan (Ahmad Tarmizi, 2010: 36). Bersama adik-beradiknya itu, beliau telah berhijrah dari Perak ke Kampung Temau, Raub, Pahang pada sekitar tahun 1915. Di sinilah beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Dong.¹

Beliau juga turut belajar ilmu-ilmu agama dengan ramai guru serta berpegang kepada ilmu tarekat khususnya Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah yang dipelajari daripada Shaykh Umar al-Khalidi. Beliau telah berkahwin dengan Rabbiah binti Ludin, orang Kampung Bukit Kemuning, Raub. Setelah isterinya kembali ke rahmatullah pada tahun 1976 kerana sakit tua, Imam Shaykh Ishaq berkahwin pula dengan Fatimah binti Mat Yasin, orang Kampung Ulu Gali, Raub, Pahang. Kedua-dua perkahwinan ini tidak dikurniakan sebarang zuriat namun beliau mempunyai ramai anak angkat (Ahmad Tarmizi, 2010: 37; Zabidin, 2013: 54). Beliau telah kembali ke rahmatullah pada malam Sabtu, 18 Syaaban 1412 Hijrah bersamaan 21 Februari 1992 ketika berusia 84 tahun. Jenazah beliau telah dimakamkan di Kampung Bukit Kemuning, Dong, Raub, Pahang (Zabidin, 2013: 57).

Pengajian Ilmu Agama

Perjalanan pengajian ilmu agamanya secara khusus telah dilakukan setelah beliau tamat sekolah Melayu Dong, Raub. Di antara guru terawalnya termasuklah dua orang ulama iaitu Shaykh Kasyful Anwar (berasal dari Banjarmasin, Kalimantan) dan Shaykh Muhammad Salih bin Shaykh Umar (Batu Pahat, Johor). Shaykh Kasyful Anwar seorang yang sangat alim dalam ilmu alat (nahu, sharaf, bayan, mantik, balaghah, badi' dan sebagainya). Manakala tentang fekah pula, Imam Shaykh Ishaq belajar dengan Shaykh Muhammad Salih bin Shaykh Umar.

Terdapat pelbagai kitab yang dipelajari oleh Imam Shaykh Ishaq antaranya ialah kitab-kitab tentang akidah *Matan Jauharah al-Tauhid* oleh Shaykh Ibrahim al-Laqqani, *Durr al-Tsamin* oleh Shaykh Daud bin Abdullah al-Fatani, dan *Aqidah an-Najin* oleh Shaykh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani (Zabidin, 2013: 55). Dari tiga buah kitab ilmu akidah atau tauhid yang tersebut, dapat disimpulkan bahawa Imam Shaykh Ishaq telah mempelajari ilmu yang sangat asas itu, sebuah matan dalam bahasa Arab (*Matan Jauharah al-Tauhid*) dan dua syarah dalam bahasa Melayu (*Durr al-Tsamin* dan *Aqidah an-Najin*).

Kitab fekah yang dipelajari pula ialah *Sabil al-Muhtadin* oleh Shaykh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, *Furu' al-Masail* oleh Shaykh Daud bin Abdullah al-Fatani,

¹ <http://dakwahbudi.blogspot.com>



dan *al-Iqna'* karangan Shaykh Abi Sujak iaitu kitab dalam Mazhab Syafii dalam bahasa Arab (Zabidin, 2013: 55).

Dalam bidang tafsir al-Quran, beliau berpegang kepada Kitab Tafsir Ibn Abbas (*Tanwirul Miqbas*), Kitab *Lathaif al-Isyarat* karangan Shaykh Abu Qasim Abdul Karim Ibn Hawazan al-Qusyairi, Kitab Tafsir Imam Fakhrurrazi, Kitab Tafsir Ibn Kathir dan sebagainya (Zabidin, 2013: 55).

Kitab-kitab tasawuf yang menjadi sandaran beliau ialah Kitab *Riayah Li Huquq Allah* karangan Shaykh Harith Ibn Asad al-Muhasibi, Kitab *Kasyf al-Mahjub* karangan Shaykh Abu Hassan Ali Ibn Uthman Ibn Ali al-Jullabi, Kitab *Risalah al-Qusyairiyah* oleh Shaykh Abu Qasim Abdul Karim Ibn Hawazan al-Qusyairi dan sebagainya (Zabidin, 2013: 56). Di antara kitab tasawuf bahasa Melayu yang pasti diketahui oleh Imam Shaykh Ishaq ialah *Hidayah al-Salikin* dan *Siyar al-Salikin*. Kedua-duanya karya Shaykh Abdul Samad al-Falimbani, Kitab *Syarh al-Hikam* yang berasal daripada karya Shaykh Ibnu Ataillah al-Iskandari, *Durr al-Nafis* oleh Shaykh Muhammad Nafis al-Banjari dan lain-lain.²

Dalam bidang hadis, beliau merujuk kepada Kitab *Sahih al-Bukhari*, Kitab *Sahih Muslim*, Kitab *Fathu al-Bari* karangan Imam Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani, Kitab *Bahrul Mazi* karangan Shaykh Dr. Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi dan sebagainya.³

Berdasarkan kepada kitab-kitab yang dipelajari ini menggambarkan kepada kita bahawa Imam Shaykh Ishaq yang dibicarakan ini mempunyai kelebihan dan banyak ilmu dalam pelbagai bidang seperti usuluddin, syariah dan tasawuf.

Antara guru-guru Imam Shaykh Ishaq

Sesungguhnya Imam Shaykh Ishaq telah berguru dengan ramai ulama dan masyayikh yang tahqiq dalam bidang ilmu masing-masing. Berikut disenaraikan beberapa orang guru yang pernah mengajar Imam Shaykh Ishaq dalam pelbagai bidang ilmu dan antaranya⁴:

1. Tuan Guru Haji Abdullah bin Haji Muhammad Saman – Guru pengajian al-Quran sehingga khatam;
2. Tuan Guru Lebai Muhammad Din bin Imam Sani, berasal dari Kampung Semantan Hilir, Temerloh, Pahang – Guru ilmu usuluddin, *fiqh*, ilmu tajwid, qasidah dan lagu-lagu;
3. Tuan Guru Haji Muhammad Khatib bin Sutan Kaya, guru agama di Tanjung Malim, Perak – Guru ilmu *fiqh* dan tasawuf;

² <http://ulama-nusantara.blogspot.com>

³ <http://dakwahbudi.blogspot.com>

⁴ <http://naqshabandiyyah.blogspot.com/2009/10/biografi-al-marhum-tuan-guru-imam-Hajihtml>



4. Tuan Guru Haji Abdul Razak, kadi daerah Raub, Pahang – beliau merupakan kadi keenam daerah Raub dan guru ilmu bahasa Arab;
5. Tuan Guru Shaykh Kasyful Anwar bin Hanafiah, khalifah Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah dan juga menantu kepada Tuan Guru Shaykh Haji Umar al-Khalidi – Guru yang alim dalam bahasa Arab;
6. Shaykh Muhammad Salih bin Shaykh Umar – Guru ilmu *fiqh*;
7. Tuan Guru Shaykh Haji Umar bin Muhammad al-Khalidi, seorang guru tasawuf berasal dari Parit Ju, Batu Pahat, Johor dan kemudian berpindah dan menetap di Dong, Raub – Guru ilmu tarekat khususnya Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah.

Pengambilan Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah

Berkenaan dengan pengambilan Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah, Imam Shaykh Ishaq telah mengambilnya daripada dua orang guru di mana pada tahun 1927 iaitu ketika berumur lebih kurang 19 tahun, beliau telah mendalami ilmu *fiqh* dan tasawuf, dengan seorang guru yang bernama Tuan Guru Haji Muhammad Khatib bin Sutan Kaya⁵ yang sebelum itu merupakan seorang guru agama di Tanjung Malim, Perak. Ketika belajar dengan Tuan Guru Haji Muhammad Khatib inilah beliau mula diperkenalkan dengan Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah. Beliau kemudiannya menyambung pengajian tarekat tersebut dengan Shaykh Haji Umar bin Muhammad yang juga merupakan guru kepada Haji Muhammad Khatib (Ahmad Tarmizi, 2010: 38).

Setelah hampir tujuh tahun mempelajari serta mengamalkan tarekat dan beberapa kali menjalani suluk di bawah bimbingan dan asuhan guru beliau, Shaykh Haji Umar bin Muhammad, maka Imam Shaykh Ishaq telah diangkat sebagai khalifah serta diizinkan pula mengajar Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah oleh gurunya itu pada 22 Zulhijjah, tahun 1353 Hijrah (1934) di Surau Suluk Kubu, Durian Sebatang, Raub, Pahang. Pada ketika itu umur beliau adalah lebih kurang 25 tahun. Walau bagaimanapun Shaykh Haji Umar telah meninggal dunia dua tahun kemudian iaitu pada tahun 1936 (1355 Hijrah) dan jenazah beliau dimakamkan di perkuburan khas Durian Sebatang, Mukim Gali, Raub, Pahang (Ahmad Tarmizi, 2010: 38).

Selepas kematian guru beliau, Shaykh Haji Umar, beliau telah dibimbing dan diberi tunjuk ajar pula oleh dua orang khalifah Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah yang lain yang juga merupakan murid kepada Shaykh Haji Umar iaitu Tuan Haji Muhammad Salih bin

⁵ Tuan Guru Haji Muhammad Khatib berasal dari Kampung Rokan Kanan, Langkat, Sumatera, iaitu sekampung dengan Tuan Guru Shaykh Abdul Wahab Rokan al-Khalidi al-Naqshabandi yang telah membuka pusat Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah di Kampung Babussalam, Langkat, Sumatera. Tuan Guru Haji Muhammad Khatib adalah antara anak murid Shaykh Haji Umar bin Muhammad al-Khalidi dan khalifah beliau yang paling tua. Sebelum beliau berpindah ke Raub, Pahang, beliau ialah merupakan seorang guru agama serta pemimpin suluk di Kampung Bertam, Tanjung Malim, Perak dan mempunyai ramai murid di sana. Setelah Tuan Shaykh Ishaq menerima baiat tarekat dari guru beliau itu, maka pada penghujung tahun 1927 M iaitu pada tahun yang sama, beliau mula menjalani suluk di bawah pimpinan Tuan Guru Shaykh Haji Umar bin Muhammad di Surau Suluk Kubu di Kampung Durian Sebatang, Raub, Pahang.



Haji Umar dan Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Muhammad Siddiq bin Haji Salim (Ahmad Tarmizi, 2010: 37-38).

Penyebaran Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah oleh Imam Shaykh Ishaq

Setelah hampir 30 tahun selepas Imam Shaykh Ishaq diizinkan mengajar Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah oleh Shaykh Umar, barulah beliau mula memimpin suluk. Suluk pertama yang dipimpin oleh beliau itu berlaku pada tahun 1964 di surau Kampung Ajai, Raub, Pahang (Ahmad Tarmizi, 2010: 37-38).

Imam Shaykh Ishaq kemudiannya telah memimpin suluk di surau suluk Kampung Jeram Bangkin, Dong, mukim Gali, Raub, Pahang. Suluk pertama kali di surau tersebut berlaku pada bulan Oktober tahun 1965. Pada ketika itu beliau telah menamatkan perkhidmatan beliau sebagai imam dan amil masjid Kampung Lecar yang disandang oleh beliau selama lebih kurang 34 tahun. Beliau kemudian menjadikan surau suluk Kampung Jeram Bangkin, Dong atau lebih dikenali Zawiyah Ihya' al-Qulub sebagai pusat operasinya (Ahmad Tarmizi, 2010: 37-38). Dengan terbinanya surau atau zawiyah tersebut, ramailah orang yang datang untuk belajar, menerima dan seterusnya mengamalkan Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah di bawah pimpinan beliau itu.

Pada awalnya, Zawiyah Ihya' al-Qulub hanya mampu menampung lebih kurang 20 orang jemaah. Atas bantuan orang ramai zawiyah tersebut telah diperbesarkan dari masa ke masa sehingga dapat menampung lebih 250 jemaah. Pada tahun 1977 kerajaan telah menampung perbelanjaan kewangan bagi membesarkan lagi zawiyah tersebut sehingga ia menjadi pusat aktiviti pengajaran agama seperti usuluddin, *fiqh*, al-Quran, hadith dan tasawuf di samping amalan Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah (Ahmad Tarmizi, 2010: 38-39).

Dari Zawiyah Ihya' al-Qulub inilah pengaruh Imam Shaykh Ishaq mula berkembang ke seluruh pelusuk tanah air sehingga sampai ke negeri-negeri lain terutama di Selangor, Kuala Lumpur, Terengganu, Perak, Johor dan Melaka, malah sampai ke Singapura, Thailand dan Indonesia iaitu Sumatera dan Sulawesi (Abdul Manam, 2007: 199). Mereka datang dari seluruh pelusuk tanah air dan juga dari Singapura, Thailand dan Sumatera. Murid-murid Imam Shaykh Ishaq dianggarkan melebihi 5,000 orang yang terdiri dari laki-laki dan juga perempuan. Khalifah yang diangkat pada zaman hayatnya ialah seramai 350 orang (Zabidin, 2013: 56). Mereka datang dari pelbagai latar belakang dan negeri. Bukan hanya di sekitar Raub sahaja malahan dari pelbagai daerah di seluruh Malaysia (Abdul Manam, 2007: 199).

Murid-murid Imam Shaykh Ishaq itu adalah datangnya dari pelbagai latar belakang pendidikan dan pekerjaan yang berbeza. Murid-muridnya yang terkenal antaranya seperti (Abdul Manam *et al.*, Julai–Disember 2012: 310-312; Mohd Nasir, 2009: 167; Abdul Rahman, 1998: 54; Ahmad Tarmizi, 2010: 36-41; Zaffuan, 2009):



1. YB Dato' Tengku Mustaffa bin Tengku Seti (m. 2007), Dong, bekas Speaker DUN Pahang⁶ – adalah merupakan khalifah yang menggantikan tempat beliau sebagai pemimpin tarekat di surau suluk Kampung Jeram Bangkin, Dong, Raub;
2. Shaykh Wan Hassan Wan Abdullah – khalifah yang memimpin tarekat tersebut di surau suluk Kampung Pulau Rumpit, Pekan, Pahang⁷;
3. Imam Haji Sani bin Ismail (1918–2003), Imam Masjid Kampung Ajai (dari tahun 1947–1994), Raub Pahang – juga dizinkan untuk memimpin suluk dan tarekat;
4. Ustaz Ramli bin Mohammad, Mudir Madrasah al-Husna, Pekan – juga merupakan salah seorang kahlifah Imam Shaykh Ishaq yang dibenarkan memimpin tarekat namun beliau diberitakan tidak begitu aktif mengembangkan tarekat tersebut;
5. Ustaz Mokhtar Yaakub (1943–1987), merupakan Timbalan Shaykhul al-Arqam dan pernah menjadi Pengetua Sekolah Menengah Agama Dong, Raub dan juga pernah dilantik menjadi pensyarah kanan di Kuliyyah Abu Bakar, Pekan – antara khalifah beliau yang dibenarkan memimpin tarekat ini, namun beliau terlebih dahulu meninggal dunia sebelum guru beliau;
6. Shaykh Dr. Haji Jahid Sidek – memimpin suluk dan pengamalan tarekat ini melalui dua surau suluknya iaitu di surau suluk Babul Khayrat, Kampung Melayu Majidi, Johor Bharu, Johor dan Madrasah Manaratil 'Ilmi, Penor, Pekan Pahang;
7. Ustaz Muhammad bin Long, guru agama di Sekolah Kebangsaan Durian Tawar, Temerloh;
8. Ustaz Abdul Khalil bin Abdul Manaf, guru agama di Sekolah Menengah Agama Dong, Raub;
9. Ustaz Haji Husain bin Abdul Latif, guru agama di Balai Muzakarah, Pauh Sembilan, Bachok, Kelantan;
10. Shaykh Muhammad Nur Tais, Tanjung Malim, Perak;
11. Ustaz Dr. Othman bin Napih, pensyarah di UTM, Skudai;
12. Ustaz Dr. Tarmizi bin Abdul Rahman, pensyarah di UMS, Sabah;
13. Ustaz Dr. Kamarul Shukri bin Muhammad Teh, pensyarah di UniSZA, Terengganu;
14. Ustaz Dr. Syed Nurul Akla bin Syed Abdullah, pensyarah di UPM, Serdang;
15. Ustaz Ahmad Syifa' bin Mokhtar;
16. Ustaz Dr. Ahmad Baha' bin Mokhtar, pensyarah di Unissa, Brunei.

Sementara kalangan korporat dan profesional seperti:

17. Wan Abdul Rasyid bin Wan Abu Bakar, Hakim di Mahkamah Kuantan;
18. Haji Hafas bin Aden, peguam di Kuantan;
19. Haji Rusdi Abdul Kadir, Kuantan;

⁶ Selepas kematian Tengku Mustaffa pada tahun 2007, kepimpinan Zawiyah al-Qulub telah diserahkan kepada Shaykh Syed Ibrahim bin Syed Ahmad.

⁷ Selepas kematian Shaykh Wan Hassan, kepimpinan tarekat telah dijalankan oleh Haji Sanusi bin Salleh (lahir 1931), orang Kedah yang sebelumnya pernah mengamalkan Tarekat Mujaddidiyyah dan Sammaniyyah. Haji Sanusi menubuhkan Zawiyah Paya Mak Insun, Pendang, Kedah pada tahun 2001 untuk mengadakan suluk dan menyebar luaskan lagi ajaran Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah.



20. Dr. Nordin Ahmad, jutawan di Kuala Lumpur;
21. Haji Manan, pegawai kanan di Menara Promet Kuala Lumpur;
22. Azizan Radi, juru ukur (*surveyor*) di Kuala Lumpur;
23. Abdul Rahim bin Muhammad, pegawai di BSN Kuala Lumpur;
24. Haji Aman Syah iaitu penyelia sekolah-sekolah di Raub, Pahang⁸ dan ramai lagi.

Sepanjang 18 tahun menjadi khadam Tarekat Naqsyabandiyyah al-Khalidiyyah, beliau telah menganjurkan 120 amalan bersuluk di Surau Ihya al-Qulub, Kampung Jeram Bangkin, Dong, Raub, Pahang (Zabidin, 2013: 56).

Karya-karya Imam Shaykh Ishaq

Di samping itu Imam Shaykh Ishaq turut menghasilkan banyak tulisan terutama yang berkaitan dengan amalan tarekat dan tasawuf. Menurut Abdul Manam (2009), walaupun Imam Shaykh Ishaq mempunyai latar belakang pendidikan keagamaan secara tradisional di surau dan masjid, namun beliau aktif menulis dan telah menghasilkan beberapa buah karya keagamaan terutamanya mengenai ajaran tasawuf dan tarekat serta sejarah perkembangannya di Raub, Pahang. Antara karya-karya beliau yang telah dihasilkan ialah *Majmu' al-Masa'il*, *Tanbih al-Muridin*, *Majmu' al-Maw'izah*, *Cara-Cara Menjalani Amalan Dalam Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah Untuk Mencapai Kepada Tasawuf*, *Asal-Usul Perkembangan Tarekat Naqshabandiyyah di Daerah Raub, Pahang*, *Sejarah Perkembangan Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Kampung Durian Sebatang, Mukim Gali, Raub, Pahang* *Dar al-Ma'mur* (Abdul Manam, 2009: 42), dan *Daftar Salasilah Tarekat al-Naqshabandiyyah* di samping tulisan-tulisan dan risalah-risalah lain yang masih ada namun tidak dibukukan. Selain itu juga, beliau turut menulis puisi yang bergenre sufi antaranya *Risalah Agama* dan *Amalan Tarekat* serta banyak menghasilkan teromba keluarga dan hubungannya dengan etnik Rao yang sememangnya kurang ditulis dan dikaji khususnya di Malaysia (Zabidin, 2013: 57).

Kekuatan Keperibadian

Imam Shaykh Ishaq bin Muhammad Arif juga hebat dalam ilmu apabila ramai murid yang berdatangan dari dekat dan jauh untuk belajar dengan beliau. Dianggarkan hampir 5,000 murid yang datang untuk berbaiah dengannya (Abdul Manam *et al.*, Julai–Disember 2012: 309). Kehebatannya teruji apabila beliau pernah berdebat dengan Ustaz Mokhtar Yaakob mengenai ajaran Naqshabandiyyah yang dikatakan sesat. Setelah diadakan perbincangan, bukan sahaja Ustaz Mokhtar mengakui akan kebenaran tarekat tersebut berdasarkan hujah al-Quran dan al-Sunnah, malah Ustaz Mokhtar sendiri menjadi murid kepada Imam Shaykh

⁸ <http://naqshabandiyyah.blogspot.com/2009/10/biografi-al-marhum-tuan-guru-imam-Hajihtml>



Ishaq dan berbaiah ke dalam Tarekat Naqhabandiyyah (Ibrahim, 2005: 32). Keilmuan Imam Shaykh Ishaq juga diiktiraf apabila didapati Sultan Abu Bakar (1932–1974) ibni Sultan Abdullah telah memberi tauliah imam kepada beliau sehingga beliau terkenal dengan nama Imam Shaykh Ishaq (Ahmad Tarmizi, 2010: 37). Gelaran ini diberikan kerana beliau pernah berkhidmat sebagai imam dan amil masjid dalam tempoh lebih 30 tahun (Abdul Manam, 2009: 42). Pernah diceritakan bahawa Imam Shaykh Ishaq sanggup datang ke rumah Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah (1945–2007) di Kuala Lumpur, seorang pengarang buku-buku ulama klasik Nusantara dan juga merupakan cucu kepada Shaykh Ahmad al-Fatani (dari sebelah ibu, Hajah Wan Zainab). Haji Wan Mohd Shaghir berkomentar:

“Saya cukup kagum dengan Tuan Imam Haji Ishaq kerana pada ketika itu beliau telah mempunyai murid yang ramai dan namanya cukup terkenal dalam lingkungan jemaah Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah yang beliau pimpin. Namun beliau datang ke rumah saya yang jauh lebih muda daripadanya dan tidak masyhur pula.”

Haji Wan Mohd Shaghir mempertegaskan lagi dengan kata-katanya:

“Saya berkesimpulan Tuan Imam Haji Ishaq adalah seorang warak dan zuhud yang tidak membesarkan diri. Sifat-sifat demikian adalah mengikuti jejak langkah para ulama sufi.”⁹

Kesimpulan

Daripada penjelasan yang telah dinyatakan dapat dibuat kesimpulan bahawa Imam Shaykh Ishaq ialah merupakan seorang tokoh tasawuf yang banyak menyumbangkan tenaga dan ilmu ke arah penyuburan Islam khususnya dalam ilmu tarekat. Beliau juga seorang shaykh tarekat yang sangat berwibawa dan amat dihormati oleh para pengikutnya. Maka tidak hairanlah tarekat di bawah pimpinannya telah tersebar luas ke seluruh daerah di Pahang melalui khalifah dan murid yang diizinkan untuk mengembangkan amalan Tarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah ini. Atas usaha beliau, amalan tarekat ini telah berkembang dan diikuti oleh ribuan murid sehingga mengikut anggaran yang dilakukan hingga mencapai lebih 5,000 orang. Justeru wajar dikatakan bahawa Imam Shaykh Ishaq adalah figura yang boleh dinobatkan sebagai tokoh tarekat terkemuka Pahang yang sangat berjaya di dalam bidangnya.

⁹ http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0402&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama



Rujukan

- Abdul Manam Mohamad. 2009. Beberapa Asas Ajaran Tasawuf Tuan Haji Ishaq bin Muhammad Arif. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Jld. 2. Hlm. 41-53.
- Abdul Manam bin Mohamad al-Merbawi, Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Wan Nasyrudin bin Wan Abdullah, Salmah Ahmad & Osman Chuah Abdullah. Julai-Disember 2012. Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah in Malaysia: A Study on the Leadership of Haji Ishaq Bin Muhammad Arif dlm. *MIQOT* Vol. XXXVI No. 2. Hlm. 299-319.
- Abdul Manam Mohamad. 2007. Gerakan Tarekat Naqshabandiyyah di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Perkembangannya Pada Separuh Abad ke-20 dlm. *Issues of Culture and Thought Malaysia-Jordan Perspectives*. Bangi: UKM.
- Ahmad Tarmizi Abdul Rahman. 2010. *Khalwah A Solitary Sufi Retreat*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- <http://ulama-nusantara.blogspot.com> (dicapai 16 Januari 2019)
- <http://dakwahbudi.blogspot.com> (dicapai 20 Februari 2019)
- <http://naqshabandiyyah.blogspot.com/2009/10/biografi-al-marhum-tuan-guru-imam-Haji.html> (dicapai 13 April 2019)
- http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0402&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama (16 April 2019)
- Ibrahim Mohamad. 2005. *Liku-liku Jalan Ketuhanan*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Mohd Nasir Mohd Tap. 2009. *Mencarik Ilusi Menggapai Realiti Wacana Tasawuf, Tarekat dan Pemikiran Kalam Imam Ahmad al-Sirhindi (971H/1563M-1034/1624M)*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, Dar al-Hikmah.
- Zabidin Ismail. 2013. *Biografi Tokoh Rao: Sumbangan dan Jasa Terhadap Pembangunan Malaysia*. Ipoh: Persatuan Karyawan Perak.
- Zaffuan Manap. 2009. *Bingkisan Sejarah Raub Rao dan Pagaruyung: Pertaliannya dengan Raub dan Pahang*. Kuala Lumpur: Anjung Media Resources.

Lampiran



Gambar 1: Imam Shaykh Ishaq bin Muhammad Arif al-Khalidi
(1326–1412 Hijrah/1908–1992)



Gambar 2: Surau Ihya al-Qulub, Jeram Bangkin, Ulu Dong, Raub Pahang antara peninggalan Tuan Guru Imam Shaykh Ishaq al-Khalidi al-Rawa.